

Seronok kembara kereta api ke Hatyai

Padang Besar: Stesen kereta api Hatyai yang bersempadan dengan daerah ini kembali sibuk menerima kedatangan pelancong Malaysia selepas dua tahun ditutup akibat pandemik Covid-19.

Pembukaan stesen itu seiring pengoperasian semula Perkhidmatan Tren Shuttle Khas ST (Thailand) pada 15 Julai lalu yang menawarkan tren ulang-alik dari Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTMB) Padang Besar ke Stesen Keretapi Hatyai Junction di Songkhla, Selatan Thailand.

Gerabak Tren Shuttle State Railway of Thailand (SRT) yang menjadi pilihan penduduk tempatan tidak lagi sunyi apabila rakyat Malaysia dan pelancong mengambil peluang untuk merasai pengalaman ke Hatyai

menaiki tren khas itu.

Dengan tiket bernilai 50 baht (kira-kira RM7) sehalu, pelancong dapat merasai pengalaman unik dengan pengangkutan awam itu dan menikmati pemandangan mempesonakan sepanjang 50 minit hingga satu jam perjalanan.

Selain itu, pengembara turut berpeluang melihat peniaga tempatan berjual beli pelbagai makanan ringan seperti buah jeruk, ayam panggang dan kacang menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris.

Dua sesi perjalanan ke Hatyai dari Stesen KTMB Padang Besar iaitu pada jam 9.55 pagi dan 3.40 petang boleh menjadi pilihan anda yang mahu menyimpan memori perjalanan unik, selesai serta selamat ke wilayah itu.



PELANCONG serta pengembara domestik dan antarabangsa menaiki perkhidmatan tren dari di Stesen Kereta Api Hatyai di Thailand yang mula beroperasi selepas dua tahun ditutup akibat pandemik Covid-19. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR



SUASANA dalam kereta api.



DOKUMEN penumpang diperiksa.



PENIAGA menjual makanan kepada penumpang kereta api.



PENUMPANG menikmati pemandangan ketika menaiki kereta api.



PELBAGAI makanan ringan dijual kepada penumpang di Stesen Keretapi Hatyai.